

BAHASA MELAYU

(oleh Musyfa‘)

Peribahasa-peribahasa dan Bidal-bidal

Pada pendapat saya, bahawa sekalian manusia daripada apa bangsa dan agama pun serta muka bumi yang amat luas ini sama ada yang senegeri, sekampung dan seumpamanya adalah peribahasa-peribahasanya masing-masing yang kadang-kadang suatu peribahasa yang tertentu bagi suatu kaum atau puak ini tidak suatu kaum atau puak yang lain itu mengerti walaupun mereka itu sebangsa.

Adapun peribahasa itu lebih mudah difahamkan daripada bidal-bidalan, kerana bahawasanya peribahasa itu kebanyakannya perkataan-perkataan yang disebutkan itu menurut sesuatu keadaan, perbuatan, atau tujuan yang ditetapkan, misalnya : - cendera mata – tanda mata – tanda kenang-kenangan – buah tangan – sagu hati – menimbang rasa – makan angkat – makan puji -makan suap – tumbuk rusuk – ada persembahan adalah pengurniaan – jangan segan – buatlah seperti rumah sendiri – malu-malu kucing – dan yang lain-lain lagi yang seumpamanya.

Akan tetapi bidal-bidalan itu pendek sebutannya tetapi panjang huraian pengertiannya, misalnya: - “Kukur? Apakah pada kukur? Nyiur jugalah yang pundaran” ertinya, orang yang menyuruh, atau yang berkuasa memerintah itu berkuasa menyuruh sahaja, maka orang yang disuruh, atau diperintah itu jugalah yang merasa berat, atau penat, atau rugi membuat sesuatu pekerjaan yang diperintahkan ke atasnya menyempurnakannya – atau berkata seorang tua kepada orang-orang muda : -“ Jangan berbuat tembikar pecah “ ertinya janganlah seorang perempuan jalang itu berdua atau lebih orang lelaki muda bersusah payah dan berugi-rugi hendaknya (perempuan jalang itu) yang akhirnya lelaki itu jadi berseteru dan berpukul-pukulan -jikalau orang berbuat-buat tembikar yang telah pecah nescaya

lukulah tangan masing-masing dan jika sekiranya dapatlah seseorang itu tembikar yang telah pecah itu bolehkah tembikar yang demikian dimuatkan makanan yang baik dan dibawa ke majlis orang-orang yang baik dan suci? Tentulah tidak! Maka demikian itu jugalah adakah patut seorang perempuan jahat dicampur gaulkan di dalam suatu majlis perempuan-perempuan pilihan anak-anak baik? Tentulah tidak dan orang ramai pun benci!

Tidaklah saya panjangkan lagi perkara bidal-bidalan itu, kerana dapatlah tuan-tuan pembaca sendiri membezakan di antara peribahasa-peribahasa dengan bidal-bidalan Melayu kita.

Di sebuah negeri Melayu di timur laut Semenanjung kita ini, adalah sepatah dua peribahasanya yang teramat ganjil lagi tidak diterima oleh akal yang sempurna, serta bolehlah dikatakan salah, iaitu: Jika seorang laki ada mempunyai dua, atau tiga atau empat orang isterinya dan kesemuanya perempuan-perempuan itu tiada beroleh seorang pun anak dengan seorang suaminya itu, akan tetapi tiap-tiap seorang perempuan itu berperibahasa seorang akan yang lainnya “mak anak” dan jika bercakap-cakap dengan orang lain pun tiap-tiap seorang dari mereka itu berkata: Cik “anu” itu “mak anak saya”. Adakah diterima oleh akal bahawa perempuan-perempuan yang terhimpun pada seorang suami dengan tiada seorang pun peroleh anak pada seorang suami yang tertentu itu boleh dikatakan “mak anak” ?

Maka adapun sepanjang pengetahuan saya bahawa kebiasaannya di Singapura, di semenanjung Tanah Melayu ini dan di Pulau Sumatera termasuklah gugusan pulau-pulau Melayu, jika perempuan-perempuan yang terhimpun pada seorang suami, sama ada perempuan-perempuan itu beroleh anak atau tidak dengan suami mereka itu maka disambut orang, perempuan-perempuan itu “bermadu” dan mereka itu seorang dengan lainnya pun berbahasa “itu madu saya” – tidak “mak anak saya”!

Akan tetapi jikalau seorang lelaki (terutama sekali yang berdarjat tinggi) telah membeli seorang jariah dan mendapat anak dengan jariahnya itu jika diperbahaskannya

jariahnya itu tatkala bercakap-cakap dengan orang-orang lain:-

Ini, atau itu “mak anak saya” ialah kerana memeliharakan kehormatan darjat anaknya serta jariahnya itupun sama.

Selain daripada itu pula jika seorang gadis telah dipinang oleh dua orang atau lebih lelaki tetapi belum lagi ibu bapa atau wali-wali gadis itu mengaku menerima atau menentukan pinangan siapa yang diterimanya maka sementara itu seberapa orang lelaki yang telah meminang gadis itu diperbahaskan “madu seperminangan”. Jikalau sudah sekalipun gadis itu dikahwinkan dengan siapa-siapa yang ditentukan maka orang-orang lain sudah sama meminang gadis itu boleh juga dikatakan “madu seperminangan” dengan tiada menjadi salah akan tetapi janganlah pula menyebut yang demikian di hadapan mereka itu sendiri, yang seolah-olahnya membaharui luka lama!

Dan selain daripada itu pula, jika sekiranya seorang lelaki bertemu, terpandang atau mendengar khabar yang terang bahawa isterinya berjahat dengan seorang lelaki yang lain maka kedua lelaki itu tentulah menjadi bermusuh dan harus berpukul-pukulan atau bertikam-tikaman, maka perbuatan yang demikian dikatakan “menyambut madu”.

Sedang dijilid - - hampir siap!

SAIDINA HUSSIN DI PADANG KARBALA

(Dua penggal tamat)

Sebuah buku tawarikh yang terkemuka di dalam mana meriwayatkan keteguhan azam Saidina Hussin untuk mendirikan hak-hak Islam sehingga terkorban di padang Karbala.

Riwayatnya indah dan mustahak diketahui oleh kita untuk cermin pada masa yang akan datang.

Senaskhah & 1.20 pos 10 sen.

Pesan dari sekarang kepada :

QALAM

356 & 358, Geylang Road, Singapore 14.

Bersatu

Banyak orang menyeru supaya umat Islam sekarang bersatu di dalam suatu perpaduan yang kuat. Mereka itu mencela perpecahan-perpecahan yang terjadi di dalam lingkungan Islam dan masing-masing di dalam seruan-seruan itu mereka lupa kepada bagaimana corak dan jalannya supaya dapat diikat perpaduan yang erat di antara mereka itu.

Kalau diperhati terbitnya perpecahan itu adalah oleh kerana orang-orang kita membelakangkan asal dan asas pengajaran agama iatu melebihi pendapatan-pendapatan daripada asalnya al-Quran dan al-Hadis.

Oleh sebab kalau tiap-tiap orang kita berpegang kepada asalnya nescaya mereka akan tetap dapat disatukan dengan itu berusaha tiap-tiap kita memulangkan panduan dan kepercayaan kita kepada asas itu dan dengan itu Inshā Allāh dengan sendirinya kita bersatu faham. Bersatu tujuan dan bersatu keyakinan dan di dalam persatuan yang demikian ini tidak akan ada sesuatu anasir pun yang akan dapat memecahkan persatuan itu.

“Barang siapa dikurniakan lalu bersyukur; dan diuji lalu sabar; menganiaya lalu meminta ampun; dianiaya lalu mengampunkan “ kemudian Nabi Adam maka sahabat-sahabat bertanya – “ Ya Rasulullah! Mengapakah dia? “ Rasulullah menjawab – Mereka itulah akan mendapat keamanan dan terpimpin. – Hadis riwayat al-Ṭabrānī.

* * *

Allah tetap menolong hambanya selama hamba itu menolong saudaranya. – Maksud hadis riwayat Muslim Abū Dāwūd dan al-Tirmidhī.

* * *

Sepintar-pintar manusia ialah orang yang mengambil pelajaran dengan barang yang dilihatnya dan ternasihat dengan apa yang didengarnya.